

Inovasi dan kreatif tentukan kejayaan pekerjaan masa depan

KUALA LUMPUR: Generasi muda perlu bersedia meneroka potensi dan meramalkan bentuk pekerjaan masa depan dengan kecekapan menganalisis keperluan masyarakat moden yang mahukan sesuatu dilakukan dengan lebih mudah, berkesan dan pada kos yang minimum.

Penganalisis ekonomi Universiti Putra Malaysia, Dr Mohd Yusof Saari berkata bagi tujuan itu mereka perlu berfikiran inovatif dan kreatif untuk mencipta apa sahaja produk atau perkhidmatan yang mampu menarik minat pengguna.

Mengambil contoh terbaik perkhidmatan , Uber dan Grab, Mohd Yusof berkata pengangkutan itu popular kerana mempunyai kelebihan penawaran caj tambang murah, selesa berbanding taxi selain telah banyak menyelesaikan masalah pengguna.

"Apa sahaja perkhidmatan dan produk yang boleh memudahkan urusan pekerjaan manusia masa depan dan

mengurangkan beban mereka, perkhidmatan itu pasti akan menjadi nilai tambah," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, semalam.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam amanatnya sempena Hari Pekerja semalam berkata dunia kini di ambang gelombang Revolusi Perindustrian Keempat, yang menampilkan kombinasi pelbagai bentuk ejen perubahan seperti teknologi maklumat dan internet, robotik, teknologi nano, automasi dan percetakan tiga dimensi (3D).

Najib berkata, berdasarkan kajian Forum Ekonomi Dunia (WEF) yang merangkumi 65 peratus tenaga kerja dunia, kira-kira 7.1 juta pekerjaan berpotensi untuk hilang dalam tempoh 2015-2020 berikutnya pertindihan, automasi dan penghapusan peranan perantara.

Mohd Yusof berpendapat negara sekurang-kurangnya memerlukan lima hingga 10

tahun lagi untuk melihat industri kreatif dan teknologi maklumat memacu ekonomi negara sepenuhnya seperti yang berlaku di negara-negara maju lain.

Dalam pada itu, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Abdul Halim Mansor berpendapat inisiatif majikan amat penting bagi membuka ruang kepada pekerja masing-masing memundayakan elemen inovatif dan kreatif dalam memodenkan skop kerja masing-masing.

"Ada banyak syarikat dalam negara tetapi mereka tidak bersedia melabur bagi meningkatkan kemahiran pekerja mereka sebaliknya mereka rela membeli paten perkhidmatan tertentu daripada pihak lain dan menumpukan kepada aspek produktiviti sahaja.

"Perkara ini perlu diubah bagi mencetuskan sesuatu yang lebih inovasi sehingga memberi impak yang tinggi kepada majikan, pekerja dan negara," katanya.- Bernama